

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017**  
**DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelakuan Organisasi				
<b>KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN</b>								
1	Usaha kearah menjimatkan penggunaan tenaga api elektrik bagi bangunan ibu Pejabat Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	✓			<p>(i) Mengurangkan penggunaan tenaga api elektrik</p> <p>(ii) mengurangkan perbelanjaan kerajaan dalam membayar kos penggunaan api elektrik</p> <p>(iii) Menyemai kesedaran dan rasa tanggungjawab di kalangan Pegawai-pejawai dan kakitangan di Kementerian ini dan Jabatan-Jabatan di bawahnya agar sentiasa mengambil sikap berjimat cermat dalam menggunakan tenaga api elektrik, disamping turut menitikberatkan soal-soal keselamatan dalam penggunaan elektrik</p>	<p>Kearah mengurangkan penggunaan tenaga api elektrik, KSSUP melalui Unit GEMS dan Pemeliharaan Bangunan telah mengambil beberapa langkah-langkah penjimat. Antaranya dengan mengurangkan penggunaan lampu-lampu yang tidak diperlukan, menukar jenis lampu-lampu yang digunakan kepada jenis jimat tenaga, mengurangkan penggunaan lif serta meningkatkan kesedaran di kalangan Pegawai-pejawai dan kakitangan akan keperluan untuk sentiasa menutup alat komputer, mesi fotokopi dan lain-lainnya apabila tidak digunakan atau meninggalkan pejabat. Disamping itu, Kementerian ini juga telah memasang 'prepaid meter' bagi penggunaan tenaga api elektrik yang dikehendaki untuk ruang kantin yang terdapat di kementerian ini. Selaras dengan langkah-langkah yang diambil ini, pemantauan telah dibuat keatas penggunaan tenaga api elektrik pada setiap bulan iaitu melalui bacaan meter elektrik. Melalui pemantauan serta langkah-langkah yang diambil itu, telah mendapat terdapatnya penjimat tenaga api elektrik yang digunakan.</p> <p>Melihat akan keberkesanan inisiatif yang diambil ini, satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pengurusan bagi penjimat penggunaan tenaga api elektrik bagi bangunan KSSUP dan jabatan-jabatan dibawahnya telah ditubuhkan dengan tujuan untuk melaarkan usaha-usaha kearah penjimat tenaga elektrik ini kepada jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini.</p>	<p><b>CABARAN</b>  Membudayakan sikap berjimat cermat dalam penggunaan tenaga elektrik</p> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b>  Usaha kearah mengawal penggunaan sistem penghawa dingin</p>	Penggunaan tenaga api elektrik dapat dijimatkan sekaligus perbelanjaan kerajaan bagi pembayaran kos penggunaan tenaga dapat dikurangkan
<b>JABATAN PERIKANAN</b>								
2	Request for Proposal	✓			<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur dan memajukan tapak industri perikanan</li> <li>Untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan</li> <li>Untuk memastikan keselamatan aset dilaksanakan sendiri oleh Syarikat yang ditawarkan</li> <li>Bagi menggalakkan pelaburan daripada syarikat atau agensi yang ditawarkan melalui kaedah Public-Private Partnership (PPP)</li> </ul>	Request for Proposal (RFP) adalah dokumen yang ditawarkan kepada syarikat atau agensi yang bermintah melalui proses pembidaan untuk mengemukakan cadangan projek atau perniagaan dalam penyediaan produk atau perkhidmatan dan akan ditawarkan kepada syarikat atau agensi yang berpotensi untuk mengembangmajukan industri perikanan.	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kelambatan syarikat untuk memulakan operasi</li> <li>Produktiviti keluaran yang rendah</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu syarikat pelabur asing untuk memulakan perniagaan dan mendapatkan kuota pekerja di negara ini</li> <li>Mengeluarkan surat amaran jika tapak yang ditawarkan belum menunjukkan sebarang kemajuan</li> <li>Mengeluarkan surat amaran jika progress keluaran/produktiviti adalah rendah daripada yang disasarkan</li> <li>Pemantauan yang berterusan dilaksanakan</li> </ul>	Jabatan Perikanan telah berjaya menarik minat beberapa pelabur asing untuk berkecimpung dalam Industri perikanan di Negara ini

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelakuan Organisasi				
<b>JABATAN PERHUTANAN</b>								
3	Pelan strategik 2016-2020 Jabatan Perhutanan	✓			<p>Dalam mencapai Wawasan 2035 Negara, Jabatan Perhutanan telah berjaya menyediakan Pelan Strategik 5 tahun (2016-2020). Pelan Strategik 2016-2020 akan digunakan sebagai panduan dan rujukan bagi melaksanakan langkah-langkah strategik jabatan dalam merealisasikan sumbangan industri perhutanan berteraskan kepada amalan pengurusan hutan lestari.</p>	<p>Jabatan Perhutanan komited untuk meningkatkan keluaran industri perhutanan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, disamping memelihara dan melindungi sumber hutan Negara secara berterusan melalui pengurusan hutan lestari (Sustainable Forest Management) bagi mengimbangi kepentingan sosial dan alam sekitar demi kesejahteraan rakyat dan negara.</p> <p>Visi, misi, matlamat-matlamat strategik dan sasaran Jabatan Perhutanan yang terkandung dalam pelan Strategik 5 tahun (2016-2020) Jabatan Perhutanan ini adalah selaras dengan hala tuju baru Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang memberikan penekanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang berteraskan kepada empat teras utama iaitu pertumbuhan keluaran, produktiviti, berorientasikan eksport dan berdaya tahan.</p>		
<b>JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN</b>								
4	Perintah Pelancongan (2016)	✓			<p>Dengan adanya penggubalan Perintah Pelancongan 2016, dan juga penambahan dua(2) peruntukan bidang baru untuk dikawal oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, lnya menguatkan lagi pengurusan pengukuran dan peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan sektor pelancongan. Justeru itu, dengan adanya pelaksanaan Perintah Pelancongan 2016, pengurusan akan lebih teratur dan terurus dalam melaksanakan sasaran bagi peningkatan kualiti perkhidmatan dan fasiliti produk pelancongan.</p> <p>Sasaran bagi pelaksanaan Perintah Pelancongan 2016, dan juga pembangunan peraturan untuk keberkesan Perintah dengan lebih efektif menyumbang kepada destinasi-destinasi pelancongan yang dikenalpasti dan juga produk-produk pelancongan mempunyai komponen utama infrastruktur pelancongan yang berkualiti serta keupayaan ditaraf antarabangsa. Sukat-sukat KPIs dalam pelaksanaan projek tersebut adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jumlah produk dan perkhidmatan pelancongan mendapat pengiktirafan persijilan ASEAN, serantau dan antarabangsa;</li> <li>2. Jumlah pensijilan diperkenalkan dan digunakan oleh pengusaha sektor pelancongan dalam menawarkan perkhidmatan pelancongan;</li> <li>3. Jumlah peningkatan prestasi keupayaan ejen-ejen pelancongan dan perusahaan menawarkan bidang di sektor pelancongan; dan</li> <li>4. Jumlah pembangunan bahan-bahan rujukan yang digunakan oleh pengguna dan pengusaha disektor pelancongan seperti standard dan garispandu dalam</li> </ol>	<p>Perintah "An Order for the establishment of Brunei Darussalam Tourism Board and to regulate tourism enterprise and for matters connected therewith or incidental thereto" iaitu Perintah Pelancongan yang bergelar Tourism Order, 2016 (tajuk pendek) telahpun diperkenalkan dan berkuatkuasa pada 26hb Oktober 2016.</p> <p><b>A. Lembaga Pelancongan Negara Brunei Darussalam</b> Lembaga ini akan berperanan dalam merangka dasar dan strategi pembangunan pelancongan; Menyalurkan aktiviti mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan oleh pihak Kerajaan dan Bukan Kerajaan; Mengutarkan cadangan-cadangan dari segi kaedah, langkah dan program untuk digunakan dalam memudahkan dan menggalakkan pertumbuhan pengusaha pelancongan, dan mengenalpasti sumber-sumber yang boleh digunakan dalam membina dan mempromosikan pelancongan.</p> <p><b>B.Pelesehan sebagai Ejen Pelancongan</b> Mengikut Seksyen 11, Perintah Pelancongan, 2016, "No person shall carry on the business of a travel agent unless he is the holder of a travel agent license". Bagi pemohon baru yang berhasrat untuk mendapatkan lesen ejen pelancongan perl membuat permohonan mereka kepada Jabatan Kemajuan Pelancongan dan apabila ianya diluluskan mereka diberikan lesen untuk tempoh satu (1) tahun, dan bagi pemohon yang sudah mempunyai lesen, mereka bolehlah memperbaharui lesen sama ada bagi tempoh satu (1) atau tiga (3) tahun.</p>	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peralihan bidang kuasa bagi perniagaan Premis Penginapan Pelancongan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan.</li> <li>• Memperkenalkan peraturan baru seperti pemandu pelancong dimestikan berlesen</li> <li>• Keperluan latihan dalam menangani prosedur baru seperti prosedur penguatkuasaan dan pemeriksaan.</li> </ul>	

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian	
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelakuan Organisasi					
					<p>Menambahbaik urustadbir perusahaan sektor pelancongan negara.</p>	<p>Setiap permohonan adalah untuk satu cawangan sahaja dan dikehendaki permohonan berasingan jika berhasrat membuka cawangan baru.</p> <p>Bagi membaharui lesen Ejen Pelancongan dokument-dokumen seperti berikut adalah diperlukan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Laporan Audit dan Akaun Tahunan</li> <li>2) Laporan Jualan</li> <li>3) Senarai Pekerja Tempatan dan Pekerja Asing</li> <li>4) Salinan Kad Pengenalan Pemegang-Pemegang Saham</li> <li>5) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Perniagaan</li> <li>6) Salinan Pejanjian Sewa Bangunan</li> <li>7) Salinan Lesen Terkini; dan</li> <li>8) Salinan Jaminan Bank.</li> </ol> <p>Pemegang lesen hendaklah menghadapkan statistik bagi jualan pakej dan bilangan pelancong yang dikendalikan setiap bulan dan dihadapkan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan pada setiap tahun.</p> <p><b>C. Pelesenan Pemandu Pelancong</b></p> <p>Mengikut seksyen 20, Perintah Pelancongan, 2016, "no individual shall as a tourist guide or offer to act as a tourist guide, or advertise in any way that he is or is willing to act as a tourist guide unless he holds a tourist guide license".</p> <p>Garispanduan bagi permohonan lesen baru pemandu pelancongan mestilah memenuhi semua syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Telah menjalani kursus dan latihan serta lulus dalam ujian-ujian kecekapan yang diadakan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan;</li> <li>2) Telah mencapai umur 18 tahun;</li> <li>3) Sihat dari segi fizikal, mental dan bebas daripada sebarang penyakit berjangkit; dan</li> <li>4) Tiada rekod jenayah.</li> </ol> <p>Pemohon hendaklah menyertakan bersama-sama surat akuan kesihatan dari klinik yang berdaftar dan salinan sijil kursus asas pemandu pelancong dari institusi yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan.</p> <p>Antara pra syarat bagi permohonan Lesen Pemandu Pelancong adalah bagi setiap pemohon menjalani dan lulus kursus Basic Tourist Guide Course yang dikendalikan bersama oleh Laksamana College Of Business dan Jabatan Kemajuan Pelancongan. Kursus tersebut adalah bertujuan bagi memastikan kualiti dan kompetensi setiap pemandu pelancong mengikut piawaian yang ditetapkan; menyelaras maklumat atau informasi yang disalurkan oleh setiap pemandu pelancong, membuka peluang-peluang pekerjaan yang dapat dimanfaatkan oleh penduduk tempatan. Pemohon adalah dibukakan kepada warga tempatan dan Warga Asing tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.</p>			

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelakuan Organisasi				
						<p><b>D. Pendaftaran Premis Penginapan Pelancongan</b>  Mengikut Seksyen 30, Perintah Pelancongan, 2016, "Any person who carries on or operates any premises for the accomodations of tourist shall register such premises a tourist accomodation premises"</p> <p>Garispandu bagi pendaftaran Premis Penginapan Pelancongan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pemohon yang mempunyai semua jenis penginapan seperti Hotel, Inap Desa, Rumah Tumpangan, Apartment dan lain-lain di Negara Brunei Darussalam khusus bagi pelancong dalam dan luar negeri hendaklah mendapatkan lesen pendaftaran premis daripada Jabatan Kemajuan Pelancongan; dan</li> <li>2) Nama premis penginapan pelancongan yang digunakan hendaklah bersesuaian dan melambangkan premis penginapan pelancongan</li> </ol>		